

7/12/2013 311 PL

EMCcenter UTHM peroleh Akreditasi Antarabangsa

BATUPAHAT - Makmal Keserasian Elektromagnet (EMCcenter) di bawah Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diiktiraf makmal bertaraf dunia setelah menerima Sijil Akreditasi MS ISO/IEC 17025 di bawah Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM), Jabatan Standard Malaysia.

Ketua EMCcenter, Profesor Dr Mohd Zarar Mohd Jenu berkata, EMCcenter menjalani tiga proses audit sebelum dianugerahkan akreditasi berkenaan, berkuat kuasa selama tiga tahun mulai 15 Disember 2014.

Katanya, audit dilakukan bagi memastikan pengujian Keserasian Elektromagnet (EMC) yang dijalankan adalah kompeten dalam aspek pengurusan dan teknikal.

"EMCcenter di UTHM satu-satunya makmal yang terdapat di universiti di Malaysia dalam bidang Keserasian Elektromagnet yang mampu mencapai standard MS ISO/IEC 17025.

"Kami terlibat aktif dalam pengujian dan kajian kesan gelombang elektromagnet terhadap alatan dan manusia, serta beberapa lagi ujian lain," katanya.

Menurutnya, Akreditasi MS ISO/IEC 17025 bermakna EMCcenter diperakui di peringkat antarabangsa



Peralatan di EMCcenter UTHM yang diiktiraf mempunyai teknologi setaraf makmal di peringkat antarabangsa.

mempunyai kompetensi dalam menjalankan pengujian EMC dan mempunyai pengurusan berkualiti dalam memastikan laporan pengujian yang dikeluarkan adalah berwibawa.

Katanya, laporan pengujian yang dikeluarkan EMCcenter boleh digunakan pelanggan untuk mengeksport produk elektrik dan elektronik ke pasaran antarabangsa seperti Eropah, Amerika dan Jepun.

"Hasrat EMCcenter adalah untuk menyokong pertumbuhan industri elektrik dan elektronik di Malaysia dengan menyediakan prasarana canggih dan sumber manusia kompeten

untuk memastikan produk keluaran Malaysia dapat menembusi pasaran antarabangsa.

"Turut terlibat menjayakan akreditasi ini beberapa kakitangan UTHM sendiri iaitu Mohd Rostam Anuar, Mohd Erdi Ayob, Sharifunazri Johadi dan Miskiah Muhamad Ihsan.

"Perancangan masa hadapan EMCcenter adalah untuk meluaskan skop pengujian bagi meliputi komponen automotif dan pertahanan. Adalah diharapkan kerajaan Malaysia dapat menyediakan geran bagi pembinaan bangunan dan alatan yang diperlukan," katanya.